



Rujukan: STD 092/9/4

Tarikh: 15 September 2014

Senarai edaran seperti di Lampiran 1

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

Jemputan menghadiri sesi '*Stakeholder Consultation*' bagi draf Standard Industri mengenai '*Code of Veterinary Practice: Good Manufacturing Practice for Raw-Unclean Edible-Birdnest*'

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa SIRIM Berhad bersama-sama Department of Veterinary Services (DVS) telah membangunkan draf Standard Industri mengenai '*Code of Veterinary Practice: Good Manufacturing Practice for Raw-Unclean Edible Birdnest*'. Standard ini dibangunkan bertujuan untuk menggariskan amalan terbaik yang boleh diterima pakai oleh industri dalam penghasilan *Raw-Unclean EBN* bagi menjamin kualiti produk berkenaan. Ianya juga bertujuan bagi membantu pihak industri dalam urusan pengeksportan produk EBN khususnya ke Negara China.

3. Draf ini telah dibangunkan dengan kerjasama jawatankuasa projek yang ditubuhkan di SIRIM Berhad yang diwakili oleh organisasi-organisasi yang terlibat secara langsung dalam industri EBN. Draf ini akan dibuka untuk ulasan umum mulai 17 September 2014 sehingga 16 Oktober 2014. Justeru itu, pihak SIRIM Berhad mengalu-alukan sebarang ulasan ke atas draf berkenaan semasa tempoh tersebut.

4. Sehubungan dengan ulasan umum tersebut, satu sesi "*Stakeholder Consultation*" bagi membentangkan dan membincangkan draf tersebut akan diadakan seperti berikut:

Tarikh:	30 September 2014 (Selasa)
Masa:	9:30 am – 1:30 pm
Tempat:	Auditorium Dato' Yahaya Ahmad Blok 5 SIRIM Berhad Shah Alam, Selangor
NOTA: Sila rujuk <u>Lampiran 2</u> untuk aturcara sesi " <i>Stakeholder Consultation</i> ".	

5. Memandangkan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan terlibat dalam bidang berkaitan, besarlah harapan kami agar pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dapat meneliti draf yang disertakan dan memberikan ulasan untuk dipertimbangkan oleh pihak jawatankuasa projek untuk penambahbaikan draf ini. Kami juga dengan hormatnya ingin menjemput pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk menghadiri sesi '*Stakeholder Consultation*' berkenaan. Memandangkan tempat adalah terhad, setiap organisasi dijemput untuk menghantar 3 orang wakil sahaja bagi menghadiri sesi '*Stakeholder Consultation*' ini.

Untuk sebarang maklumat lanjut, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Maziah Mukhtar di talian 03-5544 6359, faks 03-5510 6389 atau e-mel maziah@sirim.my.

6. Kami memohon kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk melengkapkan borang jawapan kehadiran dan dikembalikan kepada kami sebelum atau pada **25 September 2014** untuk tindakan selanjutnya.

7. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan tidak dapat hadir, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga boleh terus menghantar ulasan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan menggunakan borang yang disertakan.

Semoga sokongan serta kehadiran pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dapat membantu menghasilkan standard yang praktikal dan berkualiti. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,



(ABDUL AZIZ LONG)

Pengurus Besar Kanan
Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Standard
SIRIM Berhad

NOTA:

1. Semua ulasan hendaklah sampai ke SIRIM Berhad **selewat-lewatnya pada 16 Oktober 2014**.
2. Sila gunakan "Borang Ulasan" yang disertakan sekiranya ingin menghantar ulasan bagi draf berkenaan.

PROGRAMME

**STAKEHOLDER CONSULTATION SESSION FOR DRAFT STANDARD ON
CODE OF VETERINARY PRACTICE:
GOOD MANUFACTURING PRACTICE FOR RAW-UNCLEAN EDIBLE BIRDNEST**

1. OBJECTIVE

The objectives of the stakeholder consultation are as follows:

- To provide a venue for stakeholders to be briefed on the draft Industry Standard on Good Manufacturing Practices for Raw-Unclean Edible-Birdnest.
- To seek feedback from the stakeholders on the good practices and requirements specified in the draft standard.

2. PERIOD OF STAKEHOLDER CONSULTATION

The duration for stakeholder consultation is from 17 September 2014 until 16 October 2014.

Activities	Timeline
Issuance of notice for stakeholder consultation session and circulate the draft for review and comment by stakeholders	17 September 2014
Stakeholder consultation session	30 September 2014 (Half-day session)
2-weeks commenting period after stakeholder consultation session	1 October 2014 until 16 October 2014

3. PROGRAMME OUTLINE

Time	Programme
09.00 am – 09.30 am	Registration
09.30 am – 09.45 am	Opening remark
09.45 am – 10.15 am	Presentation on draft Industry Standard on Code of Veterinary Practice: Good Manufacturing Practice for Raw-Unclean Edible-Birdnest
10.15 am – 10.30 am	Break
10.30 am – 12.30 pm	Discussion and feedback on draft Industry Standard on Code of Veterinary Practice: Good Manufacturing Practice for Raw-Unclean Edible-Birdnest
12.30 pm – 02:00 pm	Closing